



# PPPM (PT) lahirkan graduan 'pencipta kerjaya'

OLEH AINOL AMRIZ ISMAIL  
pengarang@utusan.com.my

## ■ SEREMBAN 4 MEI

PENGUKUHAN nilai, etika dan kerohanian dalam lonjakan pendidikan baharu akan dapat menghasilkan graduan berkarakter holistik atau serba boleh, sekali gus menolak dilema 'pendidikan tanpa roh'.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, pendidikan dengan jiwa yang kosong akan menyaksikan hasilnya memudaratkan, malah sukar untuk diperbaiki jika hal itu sudah 'membukit'.

"Maka antara kekuatan dalam konteks baharu pendidikan dalam Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) itu, adalah membudayakan integrasi ilmu naqli (wahyu) dan aqli (rasional) untuk mentransformasi dan menghasilkan nilai kepada negara, ummah dan manusia sejagat," katanya di sini hari ini.

Pengukuhan aspek etika dan kerohanian itu bukan sahaja kepada mahasiswa islam sahaja, tetapi perlu juga dipasakkan kepada bukan islam mengikut pegangan agama masing-masing.

"Jika itu tidak berlaku, maka graduan yang lahir itu kelak kosong jiwanya dan dibimbangi lahir pula graduan yang mencipta masa hadapan dengan jalan yang tidak betul," katanya.

Jelasnya lagi, dengan aspek yang ada itu akan lahir graduan lestari iaitu ada unsur kemahiran, pemasaran diri, berkebolehan, yang kelak wujudlah dalam kalangan mereka golongan pencipta kerjaya berbanding hanya pencari kerja.

Mengenai keperluan agenda melahirkan graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang dalam Lonjakan 1 PPPM (PT) itu, Musa memberitahu, keadaannya tidak sama seperti dahulu.

"Jika kita tidak ada latar belakang keusahawanan atau memasarkan



**Jika itu tidak berlaku, maka graduan yang lahir itu kelak kosong jiwanya dan dibimbangi lahir pula graduan yang mencipta masa hadapan dengan jalan yang tidak betul**

**DR. MUSA AHMAD**  
Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

diri dengan baik, bagaimana kelak graduan boleh menjadi pencipta kerjaya. Walaupun graduan itu bekerja dalam sektor kerajaan, swasta mahupun sendiri, ciri-ciri keusahawanan itu perlu dihayati," katanya.

Katanya, Lonjakan 1 PPPM (PT) itu telah memberi kesan semula jadi kepada mahasiswa, apabila mereka tidak hanya tertumpu kepada kecermerlangan akademik tetapi turut memperkasakan kegiatan kokurikulum.

Penglibatan kakitangan dan pensyarah pula, Musa memberitahu, adalah keperluan yang wajar dipositifkan.

"Mahu atau tidak, pensyarah perlu dilibatkan secara holistik dalam agenda PPPM (PT) ini. Contohnya di USIM dalam satu projek seni bina rumah bagi mangsa banjir di Kelantan, reka bentuk rumah yang dihasilkan oleh mahasiswa

dengan bimbingan pensyarah diterima oleh pihak Tesco untuk dibangunkan di negeri itu," ujarnya lagi.

Dalam konteks graduan holistik pula, Musa memberi contoh graduan perubatan universiti itu yang dapat disepadukan dibawah konsep integrasi ilmu naqli dan aqli.

"Mereka adalah graduan perubatan yang berbeza. Kita letakkan keperluan menghafal al-Quran sekurang-kurangnya lima juzuk dan lulus sama ada lelaki mahupun perempuan kursus penyembelihan binatang ternakan (ayam). Mereka juga adalah kaunselor, boleh menguruskan mayat, faham soal ibadah pesakit, boleh menjadi imam, mengetuai majlis kenduri dan sebagainya.

"Hasilnya apabila mereka bertugas di hospital, graduan USIM tidak hanya bercakap soal perubatan tetapi juga kaitannya dengan kerohanian seperti bimbing solat di katil, tayamum dan lain-lain," ujarnya.

Tambah Musa, mahasiswa perubatan itu juga digalakkan menjalani latihan perubatan di luar negara, selain dalam negara terutamanya negara yang telah ditetorka seperti China dan Indonesia, selain pada masa hadapan di India dan Mesir.

PPPM (PT) bukan datang secara mendadak kerana itu adalah kesinambungan dan penambahbaikan pelan terdahulu.

"USIM menyasarkan untuk menjadi pusat rujukan integrasi naqli dan aqli di peringkat serantau menjelang tahun 2016 dengan nama yang disebut USIM'16 dan di peringkat global menjelang tahun 2025 atau USIM'25 melalui pendekatan pelan tindakan yang strategik, komprehensif dan efektif," ujarnya.

Apa yang penting katanya, idea yang digarap USIM dan digerakkan warganya dapat dikongsi seluruh bersama rakan universiti kerana dengan cara inilah sinergi PPPM (PT) itu dapat diledakkan. Tambahnya, apa yang dilakukan oleh USIM bukan hanya untuk manfaat rakyat Malaysia tetapi seluruh ummah kerana lonjakan itu adalah gerakan mencipta kewibawaan.

## 10 Lonjakan

